

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. statistik-statistik terbahagi yang jelas untuk tahap pelaksanaan lima inisiatif dan sembilan intervensi bagi mengurangkan beban tugas guru yang telah dilaksanakan sejak Januari 2019; dan
- b. peratus keseluruhan pengurangan beban tugas guru yang sudah dicapai selama lima bulan pelaksanaan inisiatif dan intervensi.

JAWAPAN

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap isu beban tugas guru dan antaranya adalah menu buhkan Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru. Jawatankuasa ini telah membahagikan strategi menangani beban tugas guru kepada tiga peringkat iaitu strategi jangka pendek (Fasa 1), jangka sederhana (Fasa 2) dan jangka panjang (Fasa 3). Strategi jangka pendek telah diumumkan oleh YB Menteri Pendidikan semasa Majlis Amanat Tahun Baharu tahun 2019 dan merangkumi lima (5) inisiatif seperti berikut:

1. Memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Fail Panitia dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);

2. Pengurusan data dan sistem *online* iaitu pengumpulan data sekolah, guru dan murid dari sumber sedia ada dari KPM dan penggunaan Sistem Kehadiran Murid (APDM) yang mesra pengguna menggantikan jadual kedatangan murid. Bagi sekolah yang tiada capaian internet, kehadiran murid direkodkan secara manual;
3. Pemansuhan Peperiksaan Tahap 1 serta pihak sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan LINUS yang bersesuaian dengan keperluan murid;
4. Penyeragaman pelbagai borang bagi pemantauan kantin dan kontraktor kebersihan dan keselamatan sekolah serta tiada lagi aktiviti berunsurkan pertandingan yang diselaraskan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD); dan
5. Penyelarasaran penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

Memandangkan lima (5) inisiatif ini baharu sahaja diumumkan pada Januari 2019, impak pelaksanaannya masih di peringkat awal. Pihak sekolah perlu jelas dan faham dengan tindakan yang perlu diambil. Satu kajian keberkesanan perlu dijalankan selepas satu tempoh masa pelaksanaannya bagi menilai impak dan cabaran pelaksanaan lima inisiatif yang telah diumumkan.

Walau bagaimanapun, lanjutan daripada pengedaran Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) dan surat pemakluman berkaitan inisiatif pengurangan beban tugas guru yang diumumkan pada awal Januari 2019, Kementerian telah menjalankan tinjauan awal kepada para guru berkaitan bebanan tugas guru pada 22 hingga 24 Februari 2019 yang berfokuskan penerimaan, kefahaman dan kebolehlaksanaan. Tinjauan awal tersebut mendapati 60.65 peratus responden mendapat makluman berkenaan SPI dan surat pemakluman yang diedarkan melalui pelbagai sumber. Daripada 60.65 peratus guru yang mendapat makluman tersebut, 93.34 peratus daripada mereka faham dan sangat faham isi kandungan SPI dan surat pemakluman yang diterima.

Sekian, terima kasih. RJM 55